



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2018**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN SISTEM
PERAKAUNAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Takrifan	2
4.	Struktur Tadbir Urus	3
5.	Pelaksanaan	3
6.	Carta Alir	4
7.	Hal-hal Lain	4
8.	Tarikh Berkuat Kuasa	4
9.	Pembatalan	4
10.	Pemakaian	5
	Lampiran	
	LAMPIRAN 1 Keahlian dan Terma Rujukan Struktur Tadbir Urus	6
	LAMPIRAN 2 Perkara-perkara Asas Bagi Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Agensi Kerajaan	8
	LAMPIRAN 2A Reka Bentuk Sistem Perakaunan dan Kewangan	10
	LAMPIRAN 2B Aliran Proses dan Integrasi Antara Modul Dan Sistem Sokongan	11
	LAMPIRAN 2C Aliran Proses Dan Integrasi Antara Modul Dan Sistem Sokongan Bagi Setiap Modul	12
	LAMPIRAN 2D Reka Bentuk Rangkaian dan Infrastruktur <i>Information & Communications Technology</i> (ICT)	13
	LAMPIRAN 3 Carta Alir Tatacara Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Agensi Kerajaan	14

ANM(T) 81/10/6/10 (44)



**KERAJAAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2018**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Kementerian

Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN SISTEM PERAKAUNAN
KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan memberi garis panduan kepada Agensi Kerajaan Persekutuan yang bercadang untuk membangunkan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 menjelaskan bahawa kuasa Menteri Kewangan melalui Akauntan Negara Malaysia bertanggungjawab memberikan khidmat rundingan dan nasihat perakaunan dalam pelaksanaan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan.
- 2.2 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 3, Akauntan Negara merupakan Akauntan Utama bagi Kerajaan Persekutuan dengan mempunyai kuasa dalam perkara mengenai tatacara perakaunan berkenaan dengan akaun Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- 2.3 Selaras dengan AP 138(a), Akauntan Negara bertanggungjawab menentukan sistem perakaunan yang sepatutnya diwujudkan, mengadakan pengawasan yang sesuai serta mengeluarkan apa-apa arahan yang perlu dari semasa ke semasa bagi panduan Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri

dalam menguruskan perakaunan dan kewangan serta perkara yang berkaitan dengannya.

- 2.4 Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 1992 mengenai kelulusan mengujud atau meminda sistem/ prosedur perakaunan Jabatan Kerajaan Persekutuan. SPANM Bil. 5 Tahun 2004 pula memaklumkan mengenai pindaan cara penghantaran permohonan. SPANM Bil. 5 Tahun 2010 memaklumkan garis panduan yang lebih terperinci bagi permohonan pembangunan sistem perakaunan kewangan agensi kerajaan dan seterusnya membatalkan SPANM Bil. 1 Tahun 1992 dan SPANM Bil. 5 Tahun 2004.
- 2.5 Mulai tahun 1995, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) mengambil langkah membangunkan sistem-sistem Perakaunan seperti Sistem Perakaunan Mikro (SPM), Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB), Sistem Perakaunan Terimaan Kerajaan (e-Terimaan), *Integrated Government Financial and Management Accounting System* (iGFMAS), *Integrated* Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) dan *Integrated* Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) bagi memantapkan pengurusan kewangan dan perakaunan.
- 2.6 Pada tahun 2002, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2002 untuk penggunaan dan pemakaian Data *Dictionary* Sektor Awam (DDSA) sebagai format data yang standard di semua Agensi Kerajaan bagi sistem yang dibangunkan.

3. TAKRIFAN

3.1 Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan

Merangkumi proses perancangan, pengkosan, pengagihan, perbelanjaan, penerimaan, perakaunan (subsidiari, gaji, aset tetap, pelaburan, pinjaman), pengurusan stor (inventori) dan pelaporan wang awam.

3.2 Agensi Kerajaan

Agensi Kerajaan ditakrifkan sebagai Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan.

4. STRUKTUR TADBIR URUS

- 4.1 Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan (JKSPKP) ditubuhkan di JANM bertujuan mengkaji dan meluluskan permohonan membangunkan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada Agensi Kerajaan.
- 4.2 Urus setia kepada JKSPKP bertanggungjawab menerima, mengkaji, menyemak permohonan membangunkan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada Agensi Kerajaan dan seterusnya menyediakan syor kepada mesyuarat JKSPKP.
- 4.3 Agensi Kerajaan yang membuat permohonan akan dijemput menghadiri mesyuarat JKSPKP sekiranya diperlukan.
- 4.4 Keahlian dan terma rujukan struktur tadbir urus adalah seperti di **Lampiran 1**.

5. PELAKSANAAN

- 5.1 Penggunaan sistem aplikasi sedia ada yang dibangunkan oleh JANM perlu diberi keutamaan sebelum cadangan membangunkan sistem aplikasi baharu di Agensi Kerajaan bagi mengelakkan pembaziran sumber.
- 5.2 Agensi Kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan kepada JANM. Permohonan hendaklah merangkumi perkara-perkara asas seperti di **Lampiran 2**.
- 5.3 Pekeliling Perbadaharaan dan SPANM berkaitan dengan pelaksanaan terimaan secara elektronik atau e-Pembayaran yang berkuatkuasa hendaklah dipatuhi.
- 5.4 Agensi Kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan kelulusan teknikal sistem aplikasi kepada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian atau Jawatankuasa Teknikal Sektor Awam (JTISA), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
- 5.5 Pekeliling berkaitan perolehan ICT yang sedang berkuatkuasa perlu dipatuhi oleh Agensi Kerajaan .
- 5.6 Agensi Kerajaan hendaklah melaksanakan Kajian Pasca Pelaksanaan (*Post Implementation Review*) sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas Ujian Penerimaan Akhir (*Final Acceptance Test*) untuk memastikan pematuhan kepada reka bentuk sistem aplikasi yang diluluskan.

- 5.7 Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Agensi Kerajaan hendaklah dihantar kepada Bahagian Khidmat Perunding, JANM.
- 5.8 Kelulusan yang diberikan oleh JANM adalah terpakai selagi tiada perubahan kepada reka bentuk sistem aplikasi asal.

6. CARTA ALIR

Carta Alir Tatacara Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Agensi Kerajaan adalah seperti di **Lampiran 3**.

7. HAL-HAL LAIN

Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan boleh merujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No.7, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya

u.p. : Unit Kelulusan Sistem 1
emel : bkp_sistem1@anm.gov.my
No. Telefon : 03-8886 9543/ 9539/ 9752

8. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

9. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2014 rujukan ANM(T) 81/10/6/10(7)** bertarikh 15 Disember 2014 berkaitan Garis Panduan Permohonan Pembangunan Sistem Perakaunan Kewangan Agensi Kerajaan adalah dibatalkan.

10. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang mewujud perintah,

DATUK SAAT BIN ESA C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

21 Julai 2018

s.k :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

SPANM BIL. 4/2018
LAMPIRAN 1:
KEAHlian DAN TERMA RUJUKAN STRUKTUR TADBIR URUS



LAMPIRAN 1:
KEAHlian DAN TERMA RUJUKAN STRUKTUR TADBIR URUS

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2018**

SPANM BIL. 4/2018
LAMPIRAN 1:
KEAHLIAN DAN TERMA RUJUKAN STRUKTUR TADBIR URUS

JAWATANKUASA SISTEM PERAKAUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (JKSPKP)

1. PENGERUSI

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

2. KEAHLIAN

- 2.1 Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) (Pengerusi Ganti)
- 2.2 Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pusat dan Agensi Kerajaan (BPOPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- 2.3 Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- 2.4 Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- 2.5 Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan
- 2.6 Timbalan Pengarah , Bahagian Khidmat Perunding (BKP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- 2.7 Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Khidmat Perunding (BKP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

3. KEKERAPAN MESYUARAT

* Minimum dua (2) kali setahun.

* Nota: berdasarkan permohonan.

4. URUS SETIA

Bahagian Khidmat Perunding (BKP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

5. TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA

- 5.1 Memperaku reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan untuk kelulusan Akauntan Negara Malaysia; dan
- 5.2 Memantau sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi kegunaan Agensi Kerajaan.

**PERKARA-PERKARA ASAS BAGI PERMOHONAN KELULUSAN REKA BENTUK
SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**



LAMPIRAN 2:

**PERKARA-PERKARA ASAS BAGI PERMOHONAN KELULUSAN REKA BENTUK
SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2018**


**PERKARA-PERKARA ASAS BAGI PERMOHONAN KELULUSAN REKA BENTUK SISTEM
APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**

Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan

Bil.	Maklumat
1.	Latar belakang Agensi Kerajaan;
2.	Justifikasi pembangunan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan baharu;
3.	Perbandingan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan sedia ada dan baharu (jika berkenaan);
4.	Gambar rajah sistem aplikasi perakaunan dan kewangan baharu <ul style="list-style-type: none"> (i) Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan (Contoh seperti di Lampiran 2A); (ii) Keseluruhan Aliran Proses Modul-modul Dalam Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Yang Berhubung Kait (<i>Interoperability</i>) dan Integrasi Dengan Sistem Sokongan (Contoh seperti di Lampiran 2B); (iii) Aliran Proses Modul-modul Dalam Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Yang Berhubung Kait (<i>Interoperability</i>) dan Integrasi Dengan Sistem Sokongan Bagi Setiap Modul (Contoh seperti di Lampiran 2C).
5.	Reka Bentuk Rangkaian dan Infrastruktur <i>Information & Communications Technology</i> (ICT) (Contoh seperti di Lampiran 2D);
6.	Ciri-ciri keselamatan sistem(termasuk kawalan dalaman, cara dan tahap capaian, jejak audit, sistem sokongan dan penyimpanan data sistem)
7.	Prosedur Perakaunan.
8.	Struktur kod Perakaunan
9.	Dokumen kewangan beserta contoh dokumen.
10.	Maklumat pegawai yang boleh dihubungi.


REKA BENTUK SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN


Gambar Rajah Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan




ALIRAN PROSES DAN INTEGRASI ANTARA MODUL DAN SISTEM SOKONGAN

Gambar Rajah Keseluruhan Aliran Proses Dan Integrasi Antara Modul Dan Sistem Sokongan



ALIRAN PROSES DAN INTEGRASI ANTARA MODUL DAN SISTEM SOKONGAN BAGI SETIAP MODUL**Gambar Rajah Aliran Proses Dan Integrasi Antara Modul Dan Sistem Sokongan Bagi Setiap Modul**

REKA BENTUK RANGKAIAN DAN INFRASTRUKTUR *INFORMATION & COMMUNICATIONS TECHNOLOGY (ICT)*Gambar Rajah Reka Bentuk Rangkaian Dan Infrastruktur *Information & Communications Technology (ICT)*

**CARTA ALIR TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN REKA BENTUK
BAGI SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**



LAMPIRAN 3:

**CARTA ALIR TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN REKA BENTUK, BAGI
SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2018**

**CARTA ALIR TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN REKA BENTUK
BAGI SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**

Bil.	Tindakan	T/Jawab	Carta Alir
1.	Agensi Kerajaan membuat permohonan kelulusan reka bentuk sistem aplikasi.	Agensi Kerajaan	<pre> graph TD M([MULA]) --> P[Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi] P --> S[Semakan Cadangan Reka Bentuk Sistem Aplikasi] S --> PA[Perakuan JKSPKP] PA --> PDK{Peraku?} PDK -- Ya --> KAN[Kelulusan Akauntan Negara Malaysia] KAN --> LULU{Lulus?} LULU -- Ya --> SKR[Surat Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi] LULU -- Tidak --> M PDK -- Tidak --> M SKR --> A((A)) </pre>
2.	Urus setia menyemak cadangan reka bentuk sistem aplikasi.	JANM	
3.	Urus setia dapatkan perakuan Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan (JKSPKP)	JANM/ JKSPKP	
4.	Urus setia dapatkan kelulusan Akauntan Negara Malaysia.	JANM/ ANM	
5.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) keluarkan Surat Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan kepada Agensi Kerajaan.	JANM	

**CARTA ALIR TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN REKA BENTUK
BAGI SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN AGENSI KERAJAAN**

Bil	Tindakan	T/Jawab	Carta Alir
6.	Agensi Kerajaan dapatkan kelulusan JPICT Kementerian atau Jawatankuasa Teknikal Sektor Awam (JTISA), Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).	Agensi Kerajaan	<pre> graph TD A((A)) --> B["Kelulusan JPICT"] B --> C["Pembangunan Sistem Aplikasi"] C --> D["Kajian Pasca Pelaksanaan"] D --> E(((TAMAT))) </pre>
7.	Agensi Kerajaan laksanakan pembangunan sistem.	Agensi Kerajaan	
8.	Agensi Kerajaan laksanakan Kajian Pasca Pelaksanaan (<i>Post Implementation Review</i>) sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas Ujian Penerimaan Akhir (<i>Final Acceptance Test</i>).	Agensi Kerajaan	